

24/04/2002

Pelan damai Dr M bulatkan MCA, perkasakan BN

Kadir Dikoh

PRESIDEN MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hampir terbang ke Manama akhir minggu lalu untuk menemui Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang ketika itu sedang melakukan lawatan ke Bahrain. Dr Ling yang mengetuai Kumpulan A dalam MCA yang bertelagah dengan Kumpulan B diketuai timbalannya, Datuk Lim Ah Lek mahu bersemuka dengan Perdana Menteri.

Pada babak terakhir dalam beberapa siri pertemuan dengan pasukan perunding diketuai Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Dr Ling dikatakan berkeras tidak mahu menerima perkara tertentu dalam pelan damai tajaan Perdana Menteri.

Ini menyebabkan salah seorang anggota perunding, Tan Sri Lim Kok Wing menghubungi Dr Mahathir, yang ketika itu sedang berada di Maghribi untuk menyatakan bahawa masalah dalaman MCA sukar diselesaikan dan tetap terbahagi dua selagi pemilihan pada peringkat bahagian diteruskan.

Berikutan itu, Perdana Menteri menghantar faksimili dari Maghribi kepada Lim Kok Wing, meminta supaya nota itu diberikan segera kepada Abdullah untuk menangani isu terbabit - mendesak supaya pemilihan peringkat bahagian dijadualkan semula. Lim Kok Wing merangka pelan itu, atas arahan Perdana Menteri.

Apabila pasukan perunding itu mengadakan pertemuan sekali lagi dengan Kumpulan A dalam MCA, kali ini di rumah Timbalan Perdana Menteri di Putrajaya, Dr Ling dikatakan tidak berpuas hati dengan saranan supaya pemilihan peringkat bahagian itu ditangguhkan. Beliau mahu tahu sama ada benar ia arahan daripada Perdana Menteri dan ingin penjelasan lanjut apakah rasionalnya.

Agak mengejutkan ialah Dr Ling mempersoalkan agenda yang dibentangkan oleh Abdullah yang bertindak demikian bagi pihak Perdana Menteri, sedangkan mereka beria-ia mahu campur tangan kedua-dua pemimpin itu bagi menyelesaikan krisis MCA sejak lebih setahun lalu.

"Malah pada satu ketika, Dr Ling mempersoalkan sama ada benar faksimili itu dikirim oleh Dr Mahathir dan mahu bercakap sendiri dengan Perdana Menteri," kata sumber yang rapat dengan pasukan perunding.

Kumpulan A yang turut ditemani seorang perunding, Tan Sri Lee Kim Yew meninggalkan mesyuarat itu. Pada ketika itulah Dr Ling mengambil keputusan untuk menemui sendiri Dr Mahathir yang ketika itu sudah dalam perjalanan ke Bahrain dari Libya. Bagaimanapun, niatnya itu dibatalkan atas nasihat Abdullah yang sebelum itu menerima panggilan telefon daripada Perdana Menteri.

Sebaliknya, Kumpulan B yang diketuai Lim tanpa mengambil masa panjang terus menandatangani memorandum pelan damai di rumah Abdullah pada malam itu dan keesokan harinya, mengumumkan pembatalan mesyuarat agung luar biasa (EGM) yang mereka tuntutan selama ini.

Dr Ling bagaikan tersepit dan pilihan baik yang ada padanya ialah menunggu kepulangan Dr Mahathir yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN). Kira-kira 40 minit sebelum ketibaan Dr Mahathir di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) kelmarin, Dr Ling sudah kelihatan berada di situ bersama dua orang kuatnya iaitu Datuk Seri Ong Ka Ting dan Datuk Dr Fong Chan Onn, kedua-duanya naib presiden MCA.

Sejurus kemudian, Kumpulan B diketuai Lim Ah Lek tiba, juga bersama orang kuatnya, Datuk Chan Kong Choy dan Datuk Chua Jui Meng, kedua-duanya Naib Presiden MCA. Beberapa rakan mereka yang lain sama ada dalam Kumpulan A atau B turut kelihatan di bilik menunggu orang kenamaan.

"Agaknya kalau MCA mahu mengadakan mesyuarat Jawatankuasa Pusat (CC) di sini (KLIA), sudah pasti cukup korum. Semua ada. Jangan-jangan ada pertemuan tertutup dengan Perdana Menteri di sini," kata rakan wartawan.

Dr Mahathir tiba tepat jam 10.30 pagi dan disambut oleh Abdullah serta beberapa Menteri Kabinet selain pemimpin MCA itu.

Bagaimanapun, Dr Mahathir, seperti biasa terus menuju ke bilik persidangan akhbar, menyebabkan Dr Ling tiada kesempatan untuk 'berbisik sesuatu' bagi meminta penjelasan itu.

Dalam sidang akhbar itu, Dr Mahathir diujani dengan soalan wartawan berkisar kepada MCA tetapi Perdana Menteri enggan memberi kenyataan kecuali setelah menemui 'pihak terbabit' dalam MCA.

Sebaik sidang akhbar itu selesai, puak yang bertelagah bagaikan berebut-rebut untuk bersalam dengan Dr Mahathir dan kesempatan itu diambil jurugambar. Dan, sebagai tanda awal kesungguhan untuk mematuhi pelan damai Perdana Menteri, kedua-dua puak diketuai Dr Ling dan Lim bergambar dengan Dr Mahathir sambil masing-masing mengangkat tangan saling berpaut. Dr Ling memaut tangan Lim dan begitulah seterusnya.

Kerana tiada kesempatan bertemu secara empat mata dengan Dr Mahathir, akhirnya Dr Ling bersama Ong dan Dr Fong diberi kesempatan untuk berjumpa Perdana Menteri di pejabatnya di Putrajaya empat jam kemudian yang turut dihadiri Abdullah.

Dua jam selepas itu, Dr Ling mengadakan sidang akhbar di ibu pejabat MCA di Jalan Ampang dengan pengumuman bahawa pihaknya bersetuju menangguhkan proses pemilihan peringkat bahagian yang sepatutnya bermula Sabtu dan Ahad ini, bagi merealisasikan pelan damai yang dicadangkan Perdana Menteri.

Pengumuman itu dibuat kira-kira dua jam selepas penamaan calon bagi pemilihan peringkat bahagian bermula pada jam 4 petang. Dengan persetujuan itu, semua 166 bahagian termasuk yang sudah membuat pencalonan diarah menariknya semula.

Keputusan itu disambut baik oleh Kumpulan B dengan Lim mengucapkan terima kasih kepada Dr Mahathir, Abdullah dan Lim Kok Wing, atas inisiatif pelan damai.

"Apa yang penting sekarang ialah bagi parti untuk bersatu dan bersedia menghadapi pilihan raya umum akan datang. Kita ingin membantu parti dan BN," kata Lim.

Malah, mereka yang menyokong Kumpulan B di seluruh negara bergembira sebaik saja berita mengenai penangguhan pemilihan peringkat bahagian itu tersebar pada jam 5 petang dan berita bahasa Mandarin di TV2 kemudiannya menjadi tumpuan mereka bagi mendapat kesahihan.

Malah, Setiausaha Agung MCA, Datuk Seri Dr Ting Chew Peh yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pemandu pemilihan parti itu, terpaksa berpatah balik ke ibu pejabat parti di Jalan Ampang untuk hadir pada sidang akhbar ketika dalam perjalanan untuk mengemukakan pencalonan bagi jawatan ketua bahagian Gopeng di Perak.

Mengikut jadual asal, semua penamaan calon hendaklah dibuat di antara jam 4 petang hingga 8 malam. Ada juga yang masih mahu mengemukakan pencalonan sehingga jam 7.45 petang seperti berlaku bagi bahagian Baling dan Kubang Pasu di Kedah.

Bagaimanapun, Setiausaha Pemuda MCA Selangor, Lee Li Yew berkata penangguhan itu tidak harus dilihat sebagai kemenangan bagi mana-mana pihak. "Dalam politik, tidak ada yang tetap. Kawan boleh jadi musuh dan begitu juga sebaliknya," katanya.

"Kami gembira kerana ini baik untuk parti. Inilah kehendak pemimpin dan ahli bawahan MCA," kata Ketua Pemuda MCA Serdang, Datuk Liew Yuen Keong.

Jumaat lalu, Kumpulan B membatalkan EGM yang sepatutnya diadakan Ahad lalu, bagi mematuhi satu lagi perkara dalam pelan damai itu yang ditandatangani mereka. Seperkara lagi ialah status quo yang ada pada semua

peringkat parti, dikekalkan dan ini dipersetujui dalam mesyuarat Jawatankuasa Pusat MCA semalam yang dihadiri kedua-dua kumpulan yang bertelagah.

Pelan damai yang dipersetujui kedua-dua belah pihak itu kelihatan menyebelahi Kumpulan B. Hakikatnya ialah ia bukan berniat untuk menjatuhkan Kumpulan A tetapi bagi menjelmakan kebenaran.

"Apa yang disuarakan oleh Kumpulan B selama ini adalah suara 'grass root'. Ahli atau cawangan hantu perlu dibersihkan kerana kewujudan hantu' ini bukan saja tidak profesional, malah tidak baik untuk kestabilan parti," kata pemimpin bawahan MCA.

EGM yang dicadangkan oleh Kumpulan B sebelum ini adalah bagi tujuan membersihkan 'pengundi hantu'. Apabila pemilihan peringkat bahagian dibatal atau ditangguhkan sebelum mesyuarat agung Jun ini, bermakna 'pengundi hantu' mati di situ.

Bila 'pengundi hantu' mati di situ, mereka tidak akan sampai ke pemilihan peringkat bahagian Jun ini. Apabila semuanya kekal berdasarkan status quo yang ada, bermakna yang lama masih kekal dan 'tidak diundi keluar oleh pengundi hantu'. Ini bermakna, MCA kembali menjadi 100 peratus MCA.

"Perdana Menteri ingin melihat sebuah parti MCA, bukan terbahagi kepada dua sebelum mengadakan pilihan raya umum akan datang, mungkin seawal tahun depan. Oleh sebab itulah, krisis dalaman MCA perlu diselesaikan segera," kata seorang pemerhati.

Yang menyedihkan ada yang menuduh Umno cuba campur tangan sehingga menggelarkan MCA sebagai 'Mahathir Control Agenda', pada hal kedua-dua pihak yang bertelagah sebenarnya beria-ia meminta campur tangan Perdana Menteri lebih setahun lalu.

Jika tanpa pelan damai dan masalah dalaman MCA dibiarkan tanpa campur tangan Perdana Menteri, MCA akan pasti berpecah dua 'secara rasmi'. Dr Ling dan kumpulannya mungkin akan terus menguasai MCA, tetapi apa ertinya jika ia tidak menyumbang kepada kekuatan BN keseluruhannya pada pilihan raya umum nanti.

MCA pernah bergelora di antara 1983 hingga 1985. Ketika itu Kumpulan Dr Neo Yee Pan berlawan dengan kumpulan Tan Koon Swan. Koon Swan menang tetapi MCA berpecah dua sehingga sebahagiannya menyertai parti lain atau pembangkang.

Kedudukan MCA sendiri tergugat. Senario yang sama boleh berlaku sekarang jika tanpa pelan damai itu.

Dalam sidang akhbar kelmarin, Dr Ling ketika ditanya mengapa kumpulannya tidak menandatangani memorandum pelan damai berkata: "Saya rasa ada perkara yang tidak difahami dan dipersetujui sepenuhnya daripada pihak yang berkaitan tetapi semuanya sudah dijelaskan hari ini (semalam) kerana penyesuaian sudah dibuat kepada cadangan asal.

Semalam, Jawatankuasa Pusat MCA mengadakan mesyuarat yang dihadiri kedua-dua pihak yang bertelagah dan mereka bersetuju supaya status quo pada semua peringkat iaitu bahagian dan kebangsaan, dikekalkan. Malah, mesyuarat agung Jun ini diteruskan tetapi tanpa pemilihan.

Ia adalah satu keputusan yang bijak dan akan 'membulatkan' MCA, tiada lagi "MCA A dan MCA B".

(END)